

WELL-BEING INDICATORS ON CONTEMPORARY FAMILY RESEARCH IN MALAYSIA: A COMPARISON

INDIKATOR KESEJAHTERAAN KELUARGA DALAM KAJIAN KONTEMPORARI DI MALAYSIA: SATU PERBANDINGAN

Abdul Wahab Md. Aliⁱ, Wan Mohd Yusof Wan Chik,ⁱⁱ Ahmad Faizal Ramlyⁱⁱⁱ, Muhammad Hagia Sofia Mohd^{iv} & Farah Syazrah Mohd Ghazalli^v

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin. abdwahabali@unisza.edu.my

ⁱⁱ Felo Penyelidik, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. mohdyusof@unisza.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Terengganu. faizalramly@uitm.edu.my

^{iv} Calon Ph.D, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. muhammadhagiasofia@gmail.com

^v Pensyarah, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin. farahsyazrah@unisza.edu.my

Abstract	<p><i>The well-being of the family is one of the indicators for happiness in the society of developing countries such as in Malaysia. The matter is discoursed about through different approaches and method of research. Some of the research is conducted in a completely Westernized orientation and without any consideration of the worldview of Islam. There are also researches that study the happiness of the citizen of Malaysia within a general context and without specifically focusing on the familial context of the society. These diversified methods of research have generated various indicators and to some extent are comprehended as contrasting to the real appeal of the Islamic jurisprudence. Hence this article is authored to analyze these existing indicators for the well-being of the family as they appear in contemporary approaches and research in Malaysia. This qualitative study utilizes inductive and deductive method as well as comparative. The finding of the study reveals four main themes for the well-being of the family in the contemporary context, listed as well-being from the aspect of the citizen, the Muslim citizen, the family and the Muslim family. All research and approaches mentioned in this study have their own strength, if synergized and refined along the guideline of the Islamic jurisprudence will able to come forward with an ideal and a perfect indicator for the wellbeing of the family.</i></p> <p>Keyword: Family, Indicator, Well-Being, Community, Happiness.</p>
Abstrak	<p><i>Kesejahteraan keluarga merupakan salah satu petunjuk kepada kebahagiaan sesebuah masyarakat dalam negara membangun seperti Malaysia. Ia dibincangkan melalui pendekatan dan kajian yang berbeza. Terdapat sesetengah kajian yang berorientasikan barat semata-mata tanpa menimbangannya daripada sudut pandang Islam. Terdapat pula kajian yang melihat dalam konteks umum rakyat Malaysia tanpa memfokuskan kepada aspek kekeluargaan secara khusus. Kepelbagaian kajian ini menatijahkan indikator-indikator yang berbeza serta dilihat agak bertentangan dengan</i></p>

	<p><i>tuntutan sebenar syariat Islam. Justeru tulisan ini bertujuan untuk menganalisis indikator kesejahteraan keluarga yang wujud dalam pendekatan dan kajian kontemporari di Malaysia. Kajian yang bersifat kualitatif ini menggunakan metod induktif, deduktif serta komparatif. Hasilnya, kajian mendapati terdapat empat tema utama kesejahteraan keluarga dalam konteks kontemporari iaitu kesejahteraan daripada aspek rakyat, rakyat Muslim, keluarga dan keluarga Muslim. Kesemua kajian dan pendekatan yang dikemukakan mempunyai kekuatan tersendiri yang mana jika disinergikan dan dimurnikan semula dengan panduan syarak boleh menghasilkan satu bentuk indikator kesejahteraan keluarga yang ideal dan sempurna.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Keluarga, Indikator, Kesejahteraan, Masyarakat, Kebahagiaan.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Kesejahteraan keluarga merupakan salah satu petunjuk kepada kebahagiaan sesebuah masyarakat. Ia dibincangkan di pelbagai peringkat dengan ukuran dan persepsi yang berbeza. Ia mungkin boleh dilihat dari sudut kebendaan, lokaliti, kejiwaan, kerohanian, keharmonian hubungan dan lain-lain. Terdapat sesetengah kajian yang berorientasikan barat semata-mata tanpa menimbangannya daripada sudut pandang Islam.

Terdapat pula kajian yang melihat dalam konteks umum rakyat Malaysia tanpa memfokuskan kepada aspek kekeluargaan secara khusus. Kepelbagaian kajian ini menatijahkan indikator- indikator yang berbeza serta dilihat agak bertentangan dengan tuntutan sebenar syariat Islam.

Begitupun dalam konteks sebuah negara membangun seperti Malaysia yang mempunyai pola dan gaya kehidupan yang pada asasnya masih bertunjangan kekeluargaan, masih belum dijumpai satu indikator khusus bagi menilai tahap kesejahteraan keluarga Muslim. Justeru kajian ini akan menganalisis beberapa pendekatan serta kajian kontemporari yang dibuat oleh agensi-agensi tertentu. Hal ini penting demi merangka satu indikator kesejahteraan keluarga Islam yang holistik.

INDIKATOR KESEJAHTERAAN KELUARGA DALAM KAJIAN KONTEMPORARI DI MALAYSIA

Dalam konteks Malaysia, telah wujud beberapa kajian terhadap indikator kesejahteraan sama ada yang menyentuh secara khusus berhubung aspek kekeluargaan mahupun yang membahaskan secara umum dalam konteks kesejahteraan serta kualiti hidup masyarakat dan negara. Kajian-kajian yang telah dibuat ini sebenarnya telah melalui beberapa proses penyelidikan dan penilaian yang teliti.

Sesetengah kajian ini juga telah diaplikasikan dalam masyarakat serta diperakui di peringkat yang lebih tinggi. Justeru, kajian-kajian tersebut sangat perlu untuk dibahaskan di sini bagi memberi gambaran yang jelas berhubung keperluan rakyat Malaysia masa kini seterusnya menjadi satu nilai tambah kepada pemilihan indikator kesejahteraan keluarga menurut Islam yang cuba dihasilkan dalam kajian ini.

Secara umumnya, kajian-kajian kontemporari di Malaysia menurut penelitian pengkaji, boleh dibahagikan kepada empat aspek yang berbeza iaitu kesejahteraan rakyat, kesejahteraan rakyat Islam, kesejahteraan keluarga dan kesejahteraan keluarga Islam.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

Kajian terhadap kesejahteraan rakyat Malaysia yang dimaksudkan ialah kajian yang dijalankan dalam konteks sebuah negara atau masyarakat di Malaysia bukannya memfokuskan terhadap keluarga secara terperinci. Kebiasaannya kajian-kajian ini dilakukan oleh agensi-agensi kerajaan secara umum terhadap semua peringkat dalam masyarakat tanpa mengira bangsa mahupun agama. Antara kajian yang dilihat mempunyai

objektif yang hampir sama serta boleh dijadikan sebagai perbandingan ialah kajian Kualiti Hidup Malaysia 2011 (KHM) dan Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013 (LKR).

KUALITI HIDUP MALAYSIA (KHM) 2011

Menurut Brown, kualiti hidup bermaksud mencapai kehidupan yang baik, kejayaan, kebahagiaan menjalani kehidupan. Ia juga ditakrifkan sebagai kesejahteraan seorang individu atau kumpulan manusia (Mahadzirah Mohamad et. al, 2014). Unit Perancang Ekonomi (EPU) mendefinisikan kualiti hidup sebagai merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, akses dan kebebasan untuk memperoleh pengetahuan dan menikmati taraf hidup yang melebihi keperluan asas dan psikologi individu untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial seiring dengan aspirasi negara (Unit Perancang Ekonomi, 2012).

Laporan Kualiti Hidup Malaysia (KHM) 2011 bertujuan menilai keberkesanan dasar dan program pembangunan sosioekonomi kepada kualiti hidup rakyat Malaysia bagi tempoh 2000-2010. Laporan ini merupakan penerbitan yang keempat selepas laporan KHM yang diterbitkan pada tahun 1999, 2002 dan 2004 (Unit Perancang Ekonomi, Kualiti Hidup Malaysia, 2012). Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusof, yang merupakan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa KHM dapat digunakan sebagai petunjuk bagi memahami perubahan dan kemajuan kualiti hidup rakyat yang merangkumi aspek fizikal, sosial, ekonomi dan psikologi (Unit Perancang Ekonomi, 2012).

Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) merupakan satu ukuran agregat bagi menilai kesejahteraan individu, keluarga dan masyarakat di Malaysia. IKHM 2010 dikira menggunakan 45 indikator bagi sebelas komponen. Indikator yang dipilih bagi perkiraan IKHM mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat dan rakyat di Malaysia. Indikator ini juga dipilih berdasarkan ketersediaan data siri masa sejak tahun 1990 (Unit Perancang Ekonomi, 2012).

Indikator yang dipilih untuk setiap komponen adalah berasaskan sejauh mana ia dapat menggambarkan sesuatu komponen berkenaan dan sejauh mana terdapatnya data siri masa. Semua indikator diberikan tanda positif atau negatif. Bagi indikator yang bertanda positif (seperti jangka hayat dan kadar celik huruf) bermakna sebarang peningkatan pada nilai angka menandakan keadaan yang lebih baik, sementara indikator yang bertanda negatif (seperti kadar kematian bayi dan kadar pengangguran) menunjukkan sebaliknya. Bagi indikator yang bertanda negatif, pembetulan terhadap arah aliran akan dibuat supaya menunjukkan kemajuan kesejahteraan hidup manakala kemerosotan arah aliran akan menunjukkan sebaliknya. Ini adalah perlu untuk memastikan pembacaan arah aliran untuk pelbagai indeks termasuk indeks komposit adalah sama (Unit Perancang Ekonomi, 2012).

Komponen dan indikator tersebut boleh dirujuk sebagaimana rajah berikut (Unit Perancang Ekonomi, 2012):

Jadual 1: Komponen dan Indikator Kualiti Hidup Malaysia 2011

Bil	Komponen	Indikator
1	Pendidikan	Kadar Celik Huruf Kadar Penyertaan Prasekolah Kadar Penyertaan Sekolah Menengah Kadar Penyertaan Tertiari Nisbah Guru-pelajar Sekolah Rendah Nisbah Guru-pelajar Sekolah Menengah Peratusan Guru Siswazah
2	Pengangkutan dan Komunikasi	Kereta dan Motosikal Persendirian (bagi setiap '000 penduduk) Telefon Talian Tetap dan Mudah Alih (bagi setiap '000 penduduk)

		Pelanggan Internet Termasuk Jalur Lebar (bagi setiap '000 penduduk) Indeks Pembangunan Jalan Raya
3	Perumahan	Peratusan Unit Rumah Kos Rendah kepada Jumlah Isi Rumah Berpendapatan Rendah Peratusan Unit Rumah dengan Bekalan Air Paip Peratusan Unit Rumah dengan Bekalan Elektrik
4	Kebudayaan dan Liburan	Keahlian Perpustakaan Awam Penonton Televisyen Penginap Hotel Domestik Penonton Istana Budaya Pelawat Muzium Pengunjung Pawagam
5	Pendapatan dan Pengagihan	Pendapatan Per Kapita Sebenar Pekali Gini Kadar Kemiskinan
6	Keselamatan Awam	Jenayah (bagi setiap '000 penduduk) Kemalangan Jalan Raya (bagi setiap '000 kenderaan)
7	Kesihatan	Jangka Hayat Semasa Lahir bagi Lelaki Jangka Hayat Semasa Lahir bagi Perempuan Nisbah Doktor-penduduk Kadar Kematian Bayi (bagi setiap '000 kelahiran hidup) Kadar Kematian Ibu Bersalin
8	Penyertaan Sosial	Pengundi Berdaftar (peratusan daripada penduduk berumur 21 tahun dan ke atas) Keahlian dalam Pertubuhan Bukan Bermotifkan Keuntungan Berdaftar Persatuan Penduduk Berdaftar
9	Alam Sekitar	Kualiti Udara (peratusan stesen dengan IPU <50) Kualiti Air (peratusan sungai bersih yang dipantau) Kawasan Berhutan
10	Kehidupan Keluarga	Nisbah Perceraian (peratusan daripada penduduk berumur 18-50 tahun) Saiz Isi Rumah Jenayah Juvana (peratusan daripada penduduk berumur 10-18 tahun) Pendapatan Purata Isi Rumah
11	Persekitaran Kerja	Kadar Pengangguran Pertikaian Perusahaan Kehilangan Hari Bekerja kerana Tindakan Perusahaan Kadar Kemalangan Perusahaan Kesaksamaan Gender dalam Penyertaan Tenaga Buruh

Setiap komponen yang dipilih mempunyai rasional masing-masing. Sebagai contoh, sistem pendidikan dipilih sebagai indikator kerana ia merupakan alat utama bagi penyampaian pengetahuan dan budaya dari satu generasi ke generasi yang lain. Ia menyediakan asas bagi pembentukan dan peningkatan teknologi yang diperlukan untuk mengekal serta memperbaiki kualiti hidup.

Pengangkutan dan komunikasi pula dipilih kerana ia merupakan faktor penting dalam menilai kemajuan dan pembangunan kerana ia membolehkan sumber mudah diangkut dan diperolehi di samping menyediakan peluang pekerjaan, pendidikan serta pergerakan barang dan perkhidmatan (Unit Perancang Ekonomi, 2012).

LAPORAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA (LKRM) 2013

Laporan ini merupakan kajian pertama yang diterbitkan bagi menilai tahap kesejahteraan rakyat. Ia mengukur daripada perspektif ekonomi dan sosial yang merangkumi komunikasi, kebudayaan, pendidikan, alam sekitar, keluarga, tadbir urus, kesihatan, perumahan dan lain-lain (Unit Perancang Ekonomi, 2012). Laporan ini telah membangunkan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) 2013 yang mana merupakan rentetan daripada Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) sejak tahun 2000-2012.

Fokus IKRM adalah kepada skop yang lebih luas agar merangkumi aspek kesejahteraan yang lain. Secara umumnya, indeks ini akan menjadi penanda aras dalam penggubalan dasar dan program ke arah mencapai negara maju berpendapatan tinggi yang inklusif dan mampan (Unit Perancang Ekonomi, 2012). Secara dasarnya, IKRM merupakan indeks komposit yang mengandungi dua indeks sub-komposit iaitu kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial sebagaimana berikut:

Jadual 2: Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013

Bil	Sub-komposit	Komponen
1	Ekonomi	Komunikasi Pendidikan Pendapatan Pengagihan Pengangkutan Persekitaran kerja
2	Sosial	Kebudayaan Laman sekitar Keluarga Tadbir urus Kesihatan Perumahan Liburan Keselamatan awam Penyertaan sosial

KESEJAHTERAAN RAKYAT MUSLIM MALAYSIA

Kajian terhadap kesejahteraan rakyat Muslim Malaysia yang dimaksudkan ialah kajian yang dijalankan oleh pihak-pihak tertentu terhadap rakyat dan masyarakat beragama Islam sahaja di Malaysia. Kebiasaannya kajian sebegini dilakukan oleh agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) Islam dan penyelidikan-penyelidikan daripada universiti. Antara kajian yang dilakukan ialah kajian Kualiti Hidup Pendekatan Maqasid Shariah dan kajian Kehidupan Berkualiti Islam Hadhari.

KAJIAN KUALITI HIDUP PENDEKATAN MAQASID SHARIAH

Kajian ini merupakan salah satu daripada projek penyelidikan Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), di bawah program Pendekatan Komprehensif Rawatan Penagihan Opiat oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang diketuai oleh Prof. Dr. Mahadzirah binti Mohamad.

Kualiti Hidup Pendekatan Maqasid Shariah merupakan satu perbincangan mengenai pengukuran kualiti hidup daripada perspektif Maqasid Shariah atau mengikut matlamat perundangan yang ditetapkan oleh Allah SWT. Pendekatan ini dilihat lebih komprehensif berbanding pengukuran kualiti hidup yang menggunakan pendekatan teori Hieraki Keperluan Maslow (Mahadzirah Mohamad et. al, 2014).

Secara umumnya, Maqasid Shariah terdiri daripada lima aspek kehidupan iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan, dan menjaga harta. Terdapat tiga peringkat Maqasid Shariah iaitu *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* (Mahadzirah Mohamad et. Al, 2014). Peringkat *daruriyyat* merupakan suatu kemestian bagi menjalani kehidupan. Manakala peringkat *hajiyyat* merupakan aspek yang mendatangkan kemudahan dan keselesaan kepada kehidupan. *Tahsiniyyat* pula merupakan kesempurnaan atau keindahan dalam menjalani kehidupan (Mahadzirah Mohamad et. Al, 2014). Indikator-indikator berserta elemen-elemen yang digunapakai di dalam kajian ini boleh diperhatikan seperti jadual berikut:

Jadual 3: Kajian Kualiti Hidup Pendekatan Maqasid Shariah

Dimensi	Sub Dimensi	Elemen
Agama	Iman	Percaya kepada Allah Percaya kepada Malaikat Percaya kepada Kitab Percaya kepada Rasul Percaya kepada Hari Kiamat Percaya kepada Qada' dan Qadar
	Islam	Mengucap dua kalimah syahadah Mengerjakan solat lima waktu Mengeluarkan zakat Berpuasa pada bulan Ramadan Mengerjakan haji bagi yang mampu
	Ihsan	Hubungan manusia dengan Allah SWT Hubungan manusia sesama manusia
Nyawa	Keperluan asas	Makanan, minuman, perubatan dan kesihatan Keperluan pakaian dan tempat tinggal
	Keselamatan diri dan keluarga	Ancaman, pembunuhan dan bencana alam
	Rekreasi dan sukan	Hubungan manusia dengan Allah SWT Hubungan manusia sesama manusia
Akal	Sifat individu	Berpandangan jauh, dipandang mulia, menegakkan keadilan, rendah diri dan berpada-pada
	Sikap individu	Kognitif, afektif, dan tingkah laku

Keturunan dan Maruah	Hubungan keluarga	Perkahwinan, hubungan suami isteri, ibu bapa, dan anak
	Hubungan rakan dan jiran	Sokongan dan maruah
	Penguatkuasaan undang-undang	Memahami penguatkuasaan undang-undang
Harta	Penghasilan Pengurusan	Sumber pendapatan halal Penggunaan dan kawalan harta daripada musnah
	Pengagihan	Menderma, wasiat, faraid, hadiah dan wakaf

KEHIDUPAN BERKUALITI MENURUT PRINSIP KEENAM ISLAM HADHARI

Islam Hadhari merupakan suatu kerangka dasar nasional yang dijadikan asas dalam rancangan pembangunan Malaysia sebagai sebuah negara Islam maju di bawah teraju Tun Dato' Sri Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Dalam erti kata lain, wawasan 2020 yang dijadikan 'mainstream' sebelum ini haruslah berpaksikan kepada ruh Islami atau dengan istilah lebih progresifnya Islam Hadhari (<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/agama/90-6-kehidupan-berkualiti.html>).

Di dalam prinsip Islam Hadhari, terdapat sepuluh elemen yang dibahaskan dan salah satu daripadanya ialah elemen 'Kehidupan Berkualiti'. Elemen ini adalah berasaskan firman Allah SWT dalam surah al-Qasas ayat 77 yang mana memberikan penekanan dan keutamaan terhadap kualiti kehidupan sama ada daripada sudut kekeluargaan, kemasyarakatan atau kenegaraan. Terdapat beberapa indikator yang boleh dikenalpasti sebagai kayu ukur kualiti dalam hidup menurut prinsip Islam Hadhari ini. Ia boleh difahami berdasarkan jadual berikut:

Jadual 4: Kehidupan Berkualiti Menurut Prinsip Keenam Islam Hadhari

Indikator	Elemen Primer
Agama	Akidah Syariah Akhlik
Kehidupan Berkeluarga	Pelaksanaan tanggungjawab menurut syarak Persefahaman Kejujuran Ibu bapa sebagai ikutan kepada anak-anak Kediaman yang harmoni dan selesa Hubungan kejiranan yang baik Kenderaan yang baik
Ekonomi	Individu <ol style="list-style-type: none"> 1. Rajin 2. Mencari yang halal dan berkat 3. Perbelanjaan terancang 4. Bijak mencari peluang perniagaan. 5. Meningkatkan taraf ekonomi diri dan keluarga 6. Memahami tuntutan ekonomi sebahagian daripada tuntutan Islam Pemimpin

	<ol style="list-style-type: none">1. Menyediakan prasarana2. Melaksanakan dasar keadilan dan amanah
Persekitaran Yang Baik	Keadaan masyarakat setempat <ol style="list-style-type: none">1. melakukan aktiviti yang membawa kepada permuafakatan2. membanteras gejala sosial secara bersepadu3. berusaha mengeratkan hubungan bermula masyarakat yang kecil4. Menjaga hubungan baik dengan masyarakat Keadaan rumahtangga Kawasan perumahan
Rezeki Yang Halal	Menuruti kehendak syarak
Berilmu	Pengurusan diri (fardu ain) Pengurusan sistem (fardu kifayah) Pengurusan institusi keilmuan dan penyelidikan Menguasai ilmu sains dan teknologi Pemimpin meningkatkan kualiti pendidikan negara
Taraf Kesihatan	Pemimpin, individu dan masyarakat memainkan peranan: Pemimpin <ol style="list-style-type: none">1. meningkatkan kesedaran tentang kesihatan2. menyediakan prasarana perubatan Individu <ol style="list-style-type: none">1. pemakanan seimbang2. pemeriksaan dan rawatan perubatan
Moral, Adat dan Undang-Undang	Sentiasa berada dalam batas moral, adat dan undang-undang yang digunapakai
Sikap	Mengubah sikap dan persepsi masyarakat Mengubah pemikiran negatif Membina pemikiran inovatif, kreatif dan realistik

KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA

Kajian terhadap kesejahteraan keluarga Malaysia yang dimaksudkan ialah kajian yang dilakukan terhadap institusi kekeluargaan di Malaysia secara umum tanpa memfokuskan terhadap agama. Kebiasaannya kajian sebegini dilakukan oleh agensi kerajaan berkaitan keluarga, badan bukan kerajaan (NGO) dan penyelidikan universiti. Antara kajian dan pendekatan yang dilakukan ialah kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Prinsip 'Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera' dalam Transformasi Terengganu Baharu (TTB).

Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga LPPKN

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang berperanan khusus dalam mengukuh dan meningkatkan kesejahteraan keluarga di negara ini melalui penggubalan dasar, pelaksanaan kajian serta penyelidikan, dan pembangunan program intervensi berkaitan kekeluargaan (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2013).

Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (LPPKN) merupakan salah satu usaha kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat serta kesejahteraan keluarga. Usaha

untuk memahami dengan lebih tepat berkenaan kesejahteraan keluarga di Malaysia adalah relevan selaras dengan misi nasional dalam mewujudkan sebuah negara yang harmoni dan sejahtera. Justeru, beberapa indikator telah dipilih untuk menggambarkan kesejahteraan keluarga mengikut acuan Malaysia (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2013).

Menyedari kepentingan keluarga sebagai unit asas sosial yang menyediakan dan membekalkan sumber modal insan untuk pembangunan negara, LPPKN telah menjalankan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia pada tahun 2011 untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di negara ini dan seterusnya mencadangkan polisi dan program intervensi yang bersesuaian bagi memantap dan mengukuhkan lagi institusi keluarga (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2013).

Menurut LPPKN, kajian-kajian lepas jelas menunjukkan bahawa keperluan asas seperti perumahan, pendidikan, pekerjaan, pendapatan, kesihatan, keselamatan dan hubungan merupakan domain utama dalam menentukan kesejahteraan individu dan keluarga. Hanya selepas keperluan asas ini dipenuhi pengukuran kesejahteraan yang lebih bersifat subjektif seperti daya tahan, cara keluarga berfungsi dan kepuasan diambil kira. Kajian juga menunjukkan domain tambahan lain seperti budaya, kerohanian dan rekreasi mampu memberi petunjuk kepada tahap kesejahteraan (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2013).

Justeru, dalam kajian ini tujuh domain atau indikator utama kesejahteraan keluarga telah digariskan yang mana setiap domain ini mempunyai aspek-aspek tertentu yang perlu dinilai dan diukur bagi menentukan tahap kesejahteraan mereka. Ia boleh diperhatikan menerusi jadual berikut:

Jadual 5: Indikator Kesejahteraan Keluarga Menurut LPPKN

Bil	Indikator	Huraian
1	Hubungan kekeluargaan	<ul style="list-style-type: none"> a. Penglibatan ibu bapa dalam kehidupan anak-anak. b. Cara keluarga bertindak apabila menghadapi krisis (daya tahan keluarga). c. Cara ahli keluarga berkomunikasi antara satu sama lain (kefungsian keluarga). d. Masa yang diluangkan bersama ahli keluarga e. Sejauh mana mampu mengimbangi tuntutan kerja dan tuntutan keluarga. f. Sejauh mana kepuasan terhadap hubungan dengan pasangan g. Sejauh mana kepuasan terhadap hubungan dengan ibu bapa.
2	Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> a. Ukuran kepuasan terhadap taraf hidup keluarga. b. Kepuasan terhadap keadaan ekonomi keluarga. c. Sejauh mana keluarga menabung untuk masa hadapan. d. Sejauh mana keluarga mengalami beban hutang.
3	Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> a. Amalan kesihatan b. Tahap kesihatan c. Pengurusan stress
4	Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> a. Pengetahuan mengenai tindakan yang perlu diambil apabila berlaku kecemasan b. Keselamatan keluarga semasa berada di dalam rumah

		c. sejauh mana anda berpuas hati dengan keselamatan keluarga
5	Komuniti	a. Pengetahuan keluarga mengenai individu yang perlu dihubungi dalam komuniti apabila memerlukan bantuan b. Kepuasan dalam hubungan dengan komuniti c. Penglibatan keluarga dalam aktiviti kejiwaan.
6	Agama dan Kerohanian	a. Kepentingan agama dalam kehidupan seharian b. Kepuasan dengan amalan keagamaan dan kerohanian keluarga.
7	Perumahan dan persekitaran	Kemudahan asas dalam kawasan perumahan dan tahap pencemaran di persekitaran.

Prinsip Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera TTB

Prinsip 'Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera' merupakan prinsip ketiga dalam Transformasi Terengganu Baharu (TTB) yang dilancarkan oleh Menteri Besar Terengganu iaitu Datuk Seri Ahmad Razif bin Abdul Rahman dalam usaha untuk meneruskan kesinambungan pembangunan negeri Terengganu ke arah masa depan yang lebih gemilang. Dalam prinsip ini, terdapat sepuluh program atau perkhidmatan utama yang diperkenalkan yang mana ia dilihat mampu memberi kesan yang sangat positif terhadap kesejahteraan keluarga masyarakat Terengganu.

Berdasarkan keperluan dan tuntutan yang perlu ada dalam sesebuah keluarga Muslim, program TTB dilihat memenuhi beberapa aspek berikut:

Jadual 6: Analisis Terhadap Prinsip 'Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera'

Bil	Program	Indikator
1	Saguhati Anak Kelahiran Terengganu	Ekonomi
2	Home Manager (Pengurus Kediaman)	Ekonomi Persekitaran Kesihatan Keselamatan
3	Walimah Perdana ¹ Terengganu	Ekonomi Perkahwinan Sejahtera
4	Akademi Jahitan	Ekonomi
5	Cakna Warga Emas	Ekonomi Kesihatan Ilmu Kerohanian Komunikasi
6	Ibu Tunggal	Ekonomi Ilmu Kerohanian Komunikasi
7	2 nd Honeymoon	Ilmu

		Kerohanian Ibadah
8	Taska Permata Keluarga	Ilmu Ibadah Kerohanian Komunikasi
9	Program Jaya Diri	Ekonomi
10	Desa Keluarga YPKT	Ekonomi Persekitaran Ilmu Ibadah

KESEJAHTERAAN KELUARGA MUSLIM MALAYSIA

Kajian terhadap kesejahteraan keluarga Muslim Malaysia yang dimaksudkan ialah kajian yang memfokuskan terhadap institusi kekeluargaan Muslim di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian terpenting serta paling banyak menyumbang dalam proses penilaian dan perbandingan antara kajian dalam penulisan Islam dan kajian kontemporari. Kebiasaannya kajian sebegini dilakukan oleh agensi-agensi kerajaan berkaitan keluarga, badan bukan kerajaan (NGO) Islam dan penyelidikan universiti. Antara kajian yang dilakukan ialah kajian Keruntuhan Institusi Keluarga Islam Malaysia dan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan (DKMK).


Kajian Keruntuhan Institusi Keluarga Islam Malaysia

Kajian Keruntuhan Institusi Keluarga Islam ini merupakan satu kajian yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diketuai oleh Profesor Dr. Rozumah binti Baharudin. Kajian ini telah dibiayai sepenuhnya oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia pada tahun 1999 (Rozumah Baharudin, 1999).

Kajian ini adalah merupakan satu usaha untuk mengenalpasti faktor penyumbang kepada berlakunya keruntuhan institusi keluarga dan mencari jalan penyelesaian agar keutuhan keluarga dapat dikekalkan. Kajian ini sangat bermanfaat kerana menyenaraikan beberapa indikator dalam membina sebuah keluarga yang sejahtera dan utuh menurut Islam.

Berdasarkan kajian yang dilakukan ini, kebahagiaan atau keruntuhan sesebuah keluarga institusi Islam itu boleh dinilai daripada dua sudut iaitu melalui kesejahteraan anak dan kesejahteraan ibu bapa. Kesejahteraan anak boleh dikaji menerusi dua elemen atau indikator utama iaitu latar belakang keluarga dan perkahwinan manakala kesejahteraan ibu bapa pula dikaji melalui tiga elemen atau indikator utama iaitu elemen latar belakang keluarga, perkahwinan dan keibubapaan.

Bagi setiap elemen tersebut, terdapat beberapa domain yang menjadi teras kepada pembinaan model kesejahteraan atau keruntuhan keluarga. Secara keseluruhannya, elemen berserta domain bagi kajian ini boleh difahami dengan jelas melalui rajah ini.



Rajah 1 : Model Konseptual Kajian Kesejahteraan/Keruntuhan Keluarga Institusi Islam

Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan (DKMK)

Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan (DKMK) merupakan satu dasar yang telah digubal pada 16 Disember 2009 oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Ia memberi tumpuan khusus kepada pembangunan keluarga sebagai satu unit asas dan kritikal dalam pembangunan negeri, negara serta ummah. Dasar ini bertindak sebagai hala tuju dan panduan pelaksanaan dan penguatkuasaan kepada pihak kerajaan dan bukan kerajaan yang bertanggungjawab serta pihak yang berkepentingan untuk mengutamakan kesejahteraan keluarga dalam rangka membina negara dan peradaban yang mencapai taraf kehidupan yang tinggi dan diredhai Allah (Kerajaan Negeri Kelantan, 2009).

Dalam DKMK, terdapat enam strategi dan enam rancangan tindakan dikemukakan bagi mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan. Enam strategi tersebut ialah kesedaran, kefahaman, pembinaan, penghayatan, penilaian, dan penambahbaikan (Kerajaan Negeri Kelantan, 2009).

Jadual 7: Enam Strategi dalam Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan

Bil	Strategi	Huraian
1	Kesedaran	Kesedaran mengenai isu dan peranan institusi keluarga Kesedaran masyarakat tentang kepentingan pendidikan kekeluargaan Islam
2	Kefahaman	Kefahaman pelbagai pihak tentang peranan institusi keluarga, fungsi ahli dan implikasinya Kefahaman masyarakat tentang kepentingan institusi keluarga, cabaran dan langkah mengatasinya
3	Pembinaan	Meningkatkan kualiti hidup keluarga khususnya kewangan Mewujudkan pelbagai peluang, kemudahan, perkhidmatan dan bimbingan Menyelaraskan tindakan agensi kerajaan Memberikan perkhidmatan kesihatan kepada keluarga melalui perancangan, pelaksanaan, pemantauan, serta penilaian aktiviti berkaitan kesihatan keluarga

4	Penghayatan	Memantapkan pembangunan setiap ahli keluarga untuk berfungsi sebagai satu pasukan yang saling menyokong
5	Penilaian	Menilai dan menyemak semula polisi kerajaan dan undang-undang yang sedia ada Memantau pelaksanaan dan keberkesanan program, modul dan latihan agar selaras dengan objektif
6	Penambahbaikan	Mengadakan pemulihan dan penambahbaikan program

Enam rancangan tindakan pula ialah pembinaan keluarga, pendidikan dan pembangunan keluarga, kesihatan dan keselamatan, undang-undang, ekonomi keluarga dan sosial (Kerajaan Negeri Kelantan, 2009).

PENUTUP

Berdasarkan kajian dan pendekatan kontemporari di Malaysia berhubung kesejahteraan keluarga Islam, terdapat empat aspek juga yang perlu diperhatikan iaitu aspek kesejahteraan rakyat, kesejahteraan rakyat Islam, kesejahteraan keluarga dan kesejahteraan keluarga Islam.

Bagi aspek pertama iaitu kesejahteraan rakyat, sebahagian indikator kesejahteraan keluarga boleh dilihat dalam komponen kesepuluh KHM iaitu Kehidupan Berkeluarga dan dalam Sub Komposit Sosial LKRM bagi komponen Keluarga. Kedua-duanya dinilai melalui empat aspek iaitu nisbah perceraian, saiz isi rumah, jenayah juvana, dan pendapatan purata isi rumah. Sekiranya nisbah perceraian rendah, saiz rumah bersesuaian dengan bilangan isi rumah, jenayah juvana rendah, dan pendapatan purata isi rumah tinggi, ia menunjukkan bahawa sesebuah keluarga tersebut berada dalam kehidupan yang berkualiti dan baik. Secara umumnya pula, indikator kesejahteraan keluarga Islam juga boleh dilihat dalam komponen-komponen lain yang disebutkan. Walaupun ia lebih kepada rakyat atau individu, ia tetap menyumbang kepada kesejahteraan keluarga kerana kesejahteraan keluarga bermula adalah daripada kesejahteraan individu.

Oleh kerana kajian KHM dan LKRM ini dilakukan terhadap seluruh rakyat di Malaysia yang pelbagai agama, tiada indikator agama dimasukkan. Dari satu sudut, ia seolah-olah menidakkan kepentingan agama sebagai sebahagian indikator dalam menentukan hidup yang berkualiti. Pun begitu, dari sudut yang lebih positif, ia dilihat sangat baik kerana seolah-olah menggambarkan bahawa agama itu suatu perkara yang luas serta mencakupi segala aspek kehidupan. Agama itu sebenarnya wujud dalam kesebelas elemen yang disebutkan di atas secara tidak langsung.

Bagi aspek kesejahteraan rakyat Islam, lima elemen dalam kajian Kualiti Hidup Pendekatan Maqasid Syariah dan sepuluh elemen dalam Kehidupan Berkualiti telah memenuhi sebahagian besar aspek-aspek yang diperlukan dalam sebuah keluarga sejahtera. Walaupun kedua-duanya memfokuskan terhadap kesejahteraan individu dan masyarakat, elemen kesejahteraan keluarga turut dinyatakan dalam kebanyakan item yang dihasilkan. Pun begitu, jika dibandingkan dengan elemen kesejahteraan yang wujud dalam kitab-kitab kekeluargaan, kekurangan yang paling jelas dalam kedua-dua kajian ini, ia tidak merangkumi aspek sebelum pembentukan keluarga, aspek pernikahan yang menurut syariat dan aspek pendidikan anak-anak menurut Islam.

Bagi aspek kesejahteraan keluarga secara umum, kajian Kesejahteraan Keluarga LPPKN dan prinsip Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera TTB banyak mengemukakan indikator dan elemen dalam kesejahteraan keluarga. Antara kajian yang paling banyak membantu pengkaji dalam proses pembentukan kerangka dan proses penilaian indikator ialah kajian Kesejahteraan Keluarga LPPKN. Kebanyakan indikator asas yang dikemukakan LPPKN menepati aspek-aspek utama yang telah dibahaskan dalam kitab-kitab kekeluargaan Islam cuma huraian dan elemen bagi indikator tersebut dilihat agak umum serta perlukan penjelasan yang lebih teliti. Sebagai contoh, elemen agama dan kerohanian

hanya membahaskan tentang kepentingan agama dalam kehidupan dan kepuasan seseorang dalam beragama bukannya dari aspek pemahaman dan pengamalan seseorang terhadap agama yang dianuti.

Prinsip Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera TTB pula hanya mengemukakan program yang dijalankan tanpa sebarang garis panduan atau indikator pengukuran (Ramlah Idris, 2016). Walaupun program ini masih baharu dan belum terbukti sepenuhnya keberkesannya, ia merupakan satu pendekatan yang sangat baik. Berdasarkan huraian yang telah diberikan terhadap program-program ini, ia dilihat telah memenuhi sebahagian besar daripada aspek keperluan dalam sebuah keluarga sejahtera seperti keperluan dari aspek ekonomi, persekitaran, kesihatan, keselamatan, perkahwinan sejahtera, ilmu, rohani dan ibadah.

Bagi aspek kesejahteraan keluarga Islam, indikatornya boleh dilihat menerusi kedua-dua kajian ini iaitu kajian Keruntuhan Institusi Keluarga Islam Malaysia dan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan (DKMK). Sebagai contoh, kajian Keruntuhan Institusi Keluarga Islam Malaysia banyak membantu dari sudut mengemukakan faktor-keruntuhan rumah tangga dan jalan penyelesaiannya.

Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan (DKMK) pula boleh dijadikan satu asas yang cukup baik dari sudut pelaksanaan dan penguatkuasaan bagi pihak kerajaan dan bukan kerajaan yang bertanggungjawab serta pihak yang berkepentingan untuk mengutamakan kesejahteraan keluarga. Antara kekurangan kedua-dua kajian ini ialah ia tidak memfokuskan kepada bentuk indikator yang boleh diukur serta huraiannya tidak meliputi kesemua aspek sebagaimana yang dibahaskan dalam penulisan kitab-kitab kekeluargaan Islam.

Akhirnya, dengan mengsinergikan semula semua kajian yang sedia ada serta melakukan beberapa penambahbaikan terhadap beberapa kekurangan dan kelemahan, pasti satu indikator kesejahteraan keluarga Islam dapat direalisasikan dengan sempurna dengan meraikan keperluan keluarga semasa dalam konteks rakyat Malaysia. Wallahu a'lam.

PENGHARGAAN

Projek ini dibiayai di bawah Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS-KPM) UniSZA/NRGS/2013/RR057, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu. Talian yang boleh dihubungi ialah 09-6627034. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Penjara Marang dan Universiti Sultan Zainal Abidin atas bantuan yang diberikan kepada projek ini.

RUJUKAN

- Che Noraini Hashim. 2002. *Cabaran, Halangan dan Pendekatan Strategik dalam Pembentukan Keluarga Bahagia*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Kerajaan Negeri Kelantan. 2009. *Kertas Kerja Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan*, Kota Bharu: T.pt.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). 2013. *Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Mahadzirah Mohamad, et. al. 2014. *Kualiti Hidup Pendekatan Maqasid Syariah*, Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Ramlah Idris (Puan Hajah). Timbalan Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu. Temuramah pada 21 Januari 2016 jam 8.30 pagi.
- Rozumah Baharudin. 1999. *Kajian Keruntuhan Institusi Keluarga Islam*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Unit Perancang Ekonomi. 2012. *Kualiti Hidup Malaysia 2011*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.

<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/agama/90-6-kehidupan-berkualiti.html>
(diakses pada 13 Julai 2016).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.